

11 SEP 2000

DR MAHATHIR TEPUNG TAWAR KENDERAAN UMNO

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyempurnakan majlis menepung tawar empat van yang akan digunakan untuk kegiatan Umno dalam menyediakan perkhidmatannya kepada rakyat.

Majlis ringkas itu disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi di perkarangan ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Kenderaan-kenderaan itu akan digunakan oleh petugas daripada pergerakan pemuda, wanita dan ibu pejabat Umno bagi kegiatan parti.

Dr Mahathir kemudian mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di tingkat 38, Menara Dato Onn.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan ialah persediaan bagi perhimpunan agung khas Umno November ini selain isu hak keistimewaan orang Melayu.

--BERNAMA

MAM ARA MAI